




CIAST

PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

KEBERSIHAN TEMPAT KERJA

DISEDIAKAN OLEH :	DILULUSKAN OLEH :		
AMIR BIN MOHAMED	DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N		
TANDATANGAN :	TANDATANGAN :		
			
TARIKH :	TARIKH :		
1 .02.2018	1 .02.2018		
NO. DOKUMEN :			
CIAST-PKKP-07			
NO. SEMAKAN : 1	NO. RPD : 0	TKH. KUATKUASA : 01.02.2018	MUKA SURAT : 1 DRP 7

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
CIAST-PKKP-07	KEBERSIHAN TEMPAT KERJA	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 2 DRPD 7

1.0 OBJEKTIF

Objektif prosidur ini adalah untuk;

- 1.1 Menjelaskan langkah-langkah tindakan penjagaan kebersihan di CIAST.
- 1.2 Menetapkan langkah-langkah pengawasan penjagaan kebersihan di CIAST.
- 1.3 Mewujudkan tabiat membudayakan kerja bersih dan kemas di kalangan pegawai, kakitangan, pelatih dan kontraktor di CIAST.
- 1.4 Mencegah berlakunya kemalangan disebabkan faktor pengabaian mengamalkan kebersihan.

2.0 SKOP

- 2.1 Prosidur ini hendaklah digunapakai semasa menjalankan langkah-langkah penjagaan kebersihan di semua premis di dalam kawasan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).

3.0 TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Semua pegawai, kakitangan, pelatih dan kontraktor hendaklah bertanggungjawab melaksanakan prosidur ini.

4.0 DEFINASI DAN TERMINOLOGI

- 4.1 CIAST - Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan

 CIAST CIAST-PKKP-07	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	KEBERSIHAN TEMPAT KERJA	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 3 DRPD 7

5.0 PROSIDUR

5.1 AM

- 5.1.1 Bersama prosidur ini menerangkan langkah-langkah yang perlu diambil dalam penjagaan kebersihan di CIAST.
- 5.1.2 Ketua Program/Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit/Kontraktor hendaklah mempamerkan satu salinan prosidur ini di premis masing-masing.

5.2 LALUAN SELAMAT

- 5.2.1 Ketua Program/Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit/Kontraktor hendaklah;
 - 5.2.1.1 Menyediakan laluan selamat di dalam premis yang diawasi.
 - 5.2.1.2 Memastikan sempadan laluan selamat ditandakan dengan garisan berwarna kuning terang dengan lebar minima 30 mm.
 - 5.2.1.3 Memastikan laluan selamat yang dibina boleh digunakan sebagai laluan kecemasan sekiranya berlaku keadaan kecemasan atau kecemasan kebakaran.
- 5.2.2 Pegawai, kakitangan, pelatih dan kontraktor hendaklah;
 - 5.2.2.1 Memastikan laluan selamat sentiasa bersih dan bebas daripada halangan-halangan yang boleh mengganggu lalulintas.
- 5.2.3 Penempatan apa-apa mesin, bahan, peralatan dan lain-lain barangan adalah dilarang sama sekali.

5.3 RUANG BEKERJA

- 5.3.1 Ketua Bahagian/Ketua Unit/Kontraktor hendaklah menyediakan ruang bekerja yang selamat dan secukupnya di dalam premis yang diawasi.
- 5.3.2 Pegawai, kakitangan, pelatih dan kontraktor hendaklah memastikan ruang bekerja bebas daripada bahan-bahan yang tidak diperlukan.

 CIIA	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	KEBERSIHAN TEMPAT KERJA	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 4 DRPD 7
CIIA-PKKP-07		

5.4 STOR

5.4.1 Pegawai, kakitangan, pelatih dan kontraktor hendaklah memastikan;

5.4.1.1 Stor sentiasa bersih dan kemas.

5.4.1.2 Barang-barang disusun dalam keadaan teratur.

5.4.1.3 Pengalihudaraan dalam keadaan baik atau berfungsi.

5.5 LANTAI

5.5.1 Pegawai, kakitangan, pelatih dan kontraktor hendaklah memastikan;

5.5.1.1 Permukaan lantai tempat kerja dalam keadaan baik, bersih dan kemas.

5.5.1.2 Tong sampah ada ditempatkan.

5.6 BANGUNAN

5.6.1 Pegawai, kakitangan, pelatih dan kontraktor hendaklah memastikan;

5.6.1.1 Permukaan dinding tempat kerja dalam keadaan bersih dan tidak ada bahan-bahan / perkara yang tidak diperlukan digantung/ditampal.

5.6.1.2 Tingkap dalam keadaan bersih.

5.6.1.3 Lampu berfungsi dengan baik dan kadar pencerahannya mencukupi.

5.6.1.4 Kawasan tangga bersih dan kemas serta pengadang tangan dalam keadaan yang baik.

 CIIA	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
CIIA-PKKP-07	KEBERSIHAN TEMPAT KERJA	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 5 DRPD 7

5.7 MESIN, PERALATAN DAN PERKAKASAN

5.7.1 Pegawai, kakitangan, pelatih dan kontraktor hendaklah memastikan;

- 5.7.1.1 Mesin, peralatan dan perkakasan berada dalam kedudukan yang tersusun/teratur.
- 5.7.1.2 Mesin, peralatan dan perkakasan bersih daripada bahan-bahan yang tidak diperlukan.
- 5.7.1.3 Mesin, peralatan dan perkakasan bersih daripada tumpahan minyak dan gris.
- 5.7.1.4 Kawasan persekitaran mesin, peralatan dan perkakasan bebas daripada sampah-sarap dan bahan-bahan yang tidak diperlukan.
- 5.7.1.5 Pengadang mesin pada kedudukannya dan dalam keadaan yang baik.
- 5.7.1.6 Meja dan kerusi kerja bersih dan kemas serta dalam keadaan yang baik.
- 5.7.1.7 Tempat minuman pegawai, kakitangan, pelatih dan kontraktor dalam keadaan bersih (jika ada).
- 5.7.1.8 Kemudahan tandas adalah bersih dan mempunyai pengalihudaraan yang baik.
- 5.7.1.9 Kotak "first-aid" dalam keadaan bersih.

5.8 ALAT PEMADAM API

- 5.8.1 Ketua Program/Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit adalah bertanggungjawab memastikan semua peralatan pemadam kebakaran diselenggara dan boleh berfungsi dengan baik.

 CIAS CIAS-PKKP-07	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	KEBERSIHAN TEMPAT KERJA	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 6 DRPD 7

5.9 PEMERIKSAAN KEBERSIHAN TEMPAT KERJA

- 5.9.1 Ketua Program/Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit hendaklah menjalankan pemeriksaan kebersihan tempat kerja sebulan sekali menggunakan **SENARAI SEMAK PEMERIKSAAN KEBERSIHAN TEMPAT KERJA** (No. Dokumen : BKKP-07-01).
- 5.9.2 Ketua Program/Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit hendaklah mengambil tindakan pmbetulan bagi laporan tidak memuaskan di dalam Senarai Semak Pemeriksaan Kebersihan Tempat Kerja (No. Dokumen : BKKP-07-01) dalam tempoh 7 hari.
- 5.9.3 Senarai Semak Pemeriksaan Kebersihan Tempat Kerja (No. Dokumen : BKKP-07-01) hendaklah disimpan di jabatan/bahagian/unit selama tempoh 3 tahun.


6.0 LAMPIRAN

Tidak berkenaan.

 CIAT	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
CIAT-PKKP-07	KEBERSIHAN TEMPAT KERJA	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 7 DRPD 7

7. REKOD KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

[illegible]



CIAS

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN
PETI SURAT 7012, JALAN PETANI 19/1, SEKSYEN 19,
40900 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

ARAHAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

No. Dokumen:
CIAS-AKKP

[illegible]




PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN
KEMAHIRAN LANJUTAN
PETI SURAT 7012, JALAN PETANI 19/1,
SEKSYEN 19, 40900 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Dokumen:

CIAS-AKKP-01

PERATURAN KESELAMATAN AM

Bahagian/ Bengkel:	CIAS	Disediakan oleh:	Disahkan oleh:
			
Nama:		AMIR MOHAMED	DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N
Tarikh penguatkuasaan:		01.02.2018	Muka : 1 Drpd: 1

TUJUAN

Bagi mencegah daripada berlakunya kemalangan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS) akibat daripada kecuaiian atau tindakan tidak selamat oleh kakitangan dan pelatih.

PENERANGAN

1. Sila ikuti segala arahan keselamatan semasa berada di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS).
2. Laporkan dengan segera apa-apa tindakan dan keadaan tidak selamat yang mana boleh mendatangkan kecederaan kepada manusia dan kerosakan kepada harta benda.
3. Pastikan semua peralatan dan bahan-bahan di simpan di tempat yang betul serta kawasan tempat kerja anda sentiasa kemas dan bersih.
4. Gunakan perkakas dan peralatan yang betul dan selamat ketika bekerja.
5. Sekiranya anda atau peralatan yang anda kendalikan terlibat dalam kemalangan, laporkan dengan segera serta dapatkan bantuan mula.
6. Penggunaan, baikpulih dan penyelenggaraan peralatan hanya boleh dilakukan apabila mendapat kebenaran untuk melakukannya.
7. Gunakan peralatan perlindungan diri yang telah diluluskan dan pastikan ianya sentiasa berada di dalam keadaan yang baik.
8. Jangan bergurau dan elakkan daripada mengganggu orang lain semasa bekerja.
9. Gunakan kaedah yang betul semasa mengangkat barang dan dapat bantuan sekiranya perlu.
10. Dilarang merokok dan melakukan pembakaran terbuka di dalam kawasan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS).
11. Kelajuan kenderaan di sekeliling Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS) ialah 25 km/jam dan hendaklah sentiasa dipatuhi. Pastikan semua jalan sentiasa bebas untuk laluan kecemasan.
12. Patuhi semua arahan, tanda-tanda amaran, peraturan dan undang-undang Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS).



PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN
KEMAHIRAN LANJUTAN
PETI SURAT 7012, JALAN PETANI 19/1,
SEKSYEN 19, 40900 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Dokumen:

CIAS-AKKP-02

PERATURAN KESELAMATAN BENGKEL

Bahagian/ Bengkel:	EEC DAN MEKANIKAL/ PENGELUARAN	Disediakan oleh:	Disahkan oleh:
			
Nama:		AMIR MOHAMED	DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N
Tarikh penguatkuasaan:		01.02.2018	Muka : 1 Drpd: 1

TUJUAN

Menjelaskan kepada pelatih-pelatih prosidur tentang keselamatan keseluruhannya semasa menuntut di CIAS. Oleh itu, semua pelatih hendaklah memahami dan mematuhi segala prosidur yang disenaraikan.

PENERANGAN

1. Menepati jadual latihan/kelas yang telah ditetapkan seperti berada di luar bengkel 10 minit lebih awal.
2. Assesori yang terjantai atau tergantung (barang kemas) adalah dilarang sama sekali di pakai oleh pelatih.
3. Meminta kebenaran sebelum melakukan tugas yang berkaitan dengan penggunaan mesin.
4. Memastikan segala kelengkapan seperti mesin di dalam keadaan yang memuaskan melalui khidmat pengajar.
5. Gunakan peralatan dengan betul mengikut penerangan yang diberi.
6. Sentiasa memastikan bengkel di dalam keadaan yang bersih dan teratur.
7. Menyimpan peralatan yang telah digunakan di tempat yang disediakan.
8. Menggunakan peralatan yang betul melalui khidmat pengajar ketika kerja-kerja yang hendak atau sedang dijalankan.
9. Sentiasa prihatin terhadap apa sahaja yang berlaku di sekeliling bengkel dan membuat laporan jika difikirkan perlu.
10. Meninggalkan bengkel dengan seberapa segera sambil mempraktikkan apa yang telah dipelajari ketika loceng kebakaran dibunyikan.

Dengan adanya peraturan ini, pelatih-pelatih hendaklah mematuhi arahan-arahan tersebut. Gagal mematuhi arahan menyebabkan salah laku yang boleh diambil tindakan.




PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN
KEMAHIRAN LANJUTAN
PETI SURAT 7012, JALAN PETANI 19/1,
SEKSYEN 19, 40900 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Dokumen:

CIAS-AMKP-03

PERATURAN KEBERSIHAN TEMPAT KERJA

Bahagian/ Bengkel:	CIAS	Disediakan oleh:	Disahkan oleh:
			
Nama:		AMIR MOHAMED	DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N
Tarikh penguatkuasaan:		1 .02.2018	Muka : 1 Drpd: 1

TUJUAN

Amalan penjagaan tempat kerja yang sentiasa bersih dan kemas adalah merupakan perkara penting di dalam keselamatan dan kesihatan tempat kerja.

PENERANGAN

1. Permukaan laluan dan tempat kerja bebas daripada segala kekotoran dan serpihan bahan.
2. Laluan keluar masuk bebas daripada segala halangan.
3. Sebarang tumpahan dan kebocoran hendaklah dibersihkan serta merta dan punca-punca daripada perkara tersebut perlu dibaiki.
4. Kawasan kerja hendaklah kemas dan teratur.
5. Mesin-mesin dan kelengkapan hendaklah bersih daripada segala kekotoran.
6. Bekas untuk membuang sampah, minyak dan lain-lain perlu disediakan.
7. Alat ganti dan bahan-bahan perlu disusun dengan teratur.
8. Alat-alat dan kelengkapan hendaklah disimpan di tempat yang disediakan.
9. Segala masalah yang berlaku, laporkan kepada Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/ Ketua Unit/Pegawai yang mengawasi untuk tindakan lanjut.



PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN
KEMAHIRAN LANJUTAN
PETI SURAT 7012, JALAN PETANI 19/1,
SEKSYEN 19, 40900 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Dokumen:

CIAS-AKKP-04

PERATURAN KERJA SELAMAT

Bahagian/
Bengkel:

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

Nama:

Tarikh penguatkuasaan:

Muka : Drpd:

SEBELUM DIGUNAKAN

SEMASA DIGUNAKAN

SELEPAS DIGUNAKAN